

## Soal jawab agama



Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**  
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan  
pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke [nidium@yahoo.com](mailto:nidium@yahoo.com)

# Hukum solat sebelum azan

**S**AYA bersolat tetapi belum azan lagi dari masjid berdekatan. Adakah sah solat jika belum azan?

SYARAT sah solat ialah masuk waktu solat. Azan pula ialah pemberitahuan bahawa waktu solat sudah masuk, bukan syarat bahawa azan adalah waktu solat. Masuknya waktu solat adalah dengan tanda-tanda tertentu.

Contohnya solat asar iaitu apabila panjang bayang sesuatu benda menjadi lebih panjang daripada benda itu. Itulah tanda waktu sebenar bagi waktu solat Asar. Kemungkinan azan dilewatkan satu minit atau dua minit. Ini boleh berlaku. Maka solat sebelum azan adalah sah jika benar waktunya sudah masuk.

